



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
ARKIB NEGARA MALAYSIA

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**BICARA SEJARAH DAN KOMUNITI  
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**2 MAC 2024 (SABTU)**

**9.00 PAGI**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
KAMPUS ANTARABANGSA LABUAN**

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

## **SALUTASI**

*Salutasi terkini disediakan secara berasingan.*

## **PENGHARGAAN**

1. Setinggi-tinggi terima kasih kerana menjemput saya untuk merasmikan program **BICARA SEJARAH DAN KOMUNITI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**. Di kesempatan ini juga saya mengucapkan **Selamat Menyambut Ulang Tahun Ke-40 Wilayah Persekutuan** kepada seluruh warga Wilayah Persekutuan Labuan.
2. **Wilayah Persekutuan Labuan ditubuhkan pada 16 April 1984.** Ia merupakan Wilayah Persekutuan yang kedua (ke-2) ditubuhkan di Malaysia selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 1 Februari 1974.
3. Keunikan Labuan terletak pada kedudukannya yang strategik, pelabuhan laut dalam, dan statusnya sebagai pulau bebas cukai menjadikannya istimewa dan membolehkannya berperanan sebagai **pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa di Malaysia**.

4. Selepas diiktiraf sebagai **Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa (IOFC)** pada 1 Oktober 1990 (kini dikenali sebagai Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa/ LOFSA), Labuan menjadi destinasi utama pelabur asing dan pemangkin kepada pembangunan ekonomi.
5. Penduduk Labuan terdiri daripada pelbagai etnik termasuk **Melayu (Kedayan dan Melayu Brunei), Kadazan-Dusun, Rungus, Murut, Lun Bawang/Lundayeh, Cina, India**, dan lain-lain.
6. Kepelbagaian etnik dan suku kaum di Labuan memberi warna kepada budaya, bahasa, agama, dan identiti sosial yang unik. Penting untuk **memupuk kesefahaman, saling menyantuni, memerangi diskriminasi, dan mempromosikan nilai toleransi untuk mencapai keharmonian dan kesepaduan** dalam masyarakat.
7. Oleh itu, penting untuk kita **memahami sejarah pembinaan negara dan budaya komuniti tempatan demi keamanan, kesepaduan, dan kesejahteraan**.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

**ARKIB NEGARA MALAYSIA MELESTARIKAN SEJARAH DAN WARISAN NEGARA**

8. Kementerian Perpaduan Negara menyokong usaha dan inisiatif Arkib Negara Malaysia dalam **pengumpulan dan pemeliharaan maklumat sejarah dan warisan negara**.
9. Program ini juga **meningkatkan bahan arkib berkaitan Wilayah Persekutuan Labuan** di Arkib Negara Malaysia. Seperti yang diungkapkan oleh seorang Arkivis Kanada, "*Of all national assets, archives are the most precious. They are the gift of one generation to another and the extent of our care of them marks the extent of our civilization.*"
10. Arkib Negara Malaysia akan melaksanakan **program pengesanan, kajian, penyelidikan dan perolehan bahan sejarah negara yang tersimpan di institusi kearkiban luar negara**. Pelaksanaan program ini mampu membantu Arkib Negara Malaysia (ANM) dalam mengesan dokumen dan rekod berkaitan sejarah Malaysia yang terdapat di institusi kearkiban luar negara bagi mengisi jurang maklumat sejarah tersebut.

11. Bahan dan rekod berkaitan sejarah negara terdapat dan disimpan di beberapa institusi luar negara seperti di **United Kingdom, Belanda, Portugal, Turkiye, Rusia, China, India, Jepun, Thailand dan Filipina** yang ditulis dalam bahasa asal pewujud rekod tersebut.
12. Bahan yang dimaksudkan merangkumi catatan perjalanan pengembara, tokoh-tokoh agama dan mubaligh, catatan, surat menyurat dan dasar-dasar yang dibuat oleh pentadbir-pentadbir yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu, dokumen dan perjanjian hubungan diplomatik Kerajaan Melayu dengan pemerintah/penjajah, penyebaran kitab-kitab dan manuskrip dan sebagainya.
13. Pengesahan dan kajian yang dijalankan oleh ANM dapat menjak semula maklumat ini dan seterusnya melaksanakan perolehan bahan berkaitan sama ada dalam bentuk asal atau salinan.

## **PENUTUP**

14. Mari kita bersama-sama **berganding bahu** untuk **melaksanakan tindakan yang sewajarnya** demi **memelihara warisan sejarah dan budaya** nenek moyang yang kita cintai.

15. Dengan kata-kata dan hasrat tersebut, saya dengan sukacitanya merasmikan **BICARA SEJARAH DAN KOMUNITI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN.**

Sekian, terima kasih.